

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash

PILIHAN IBU BAPA:

Taska atau Pengasuh?



Photo by Gautam Arora on Unsplash

Nor Hamiza Binti Mohd Ghani dan Sholehah Binti Abdullah
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

Persoalan yang sering timbul di kalangan ibu bapa yang bekerja adalah di mana perlu meninggalkan anak sama ada di taska atau rumah pengasuh. Pilihan mana yang lebih baik? Ianya merupakan satu keputusan yang berat bagi ibu bapa yang bekerja demi memastikan anak mereka selamat dan terjaga sepanjang mereka bekerja. Antara persoalan yang biasa berlegar-legar di kepala adalah, "Nak hantar anak kat pengasuh ke atau nak hantar ke taska atau pusat jagaan? OK ke tak suruh orang jaga anak ni". Dilema ini sering berlaku khususnya bagi ibu bapa yang bekerja, yang mempunyai anak dibawah umur 3 tahun. Apakah pilihan terbaik bagi memastikan anak dijaga dengan baik? Sebenarnya terdapat kelebihan dan keburukan bagi setiap jagaan yang dipilih samada di taska atau rumah pengasuh.

Pada hari ini, kita lihat banyak taska

yang ditubuhkan terutamanya oleh pihak swasta. Hal ini kerana terdapat permintaan di kalangan ibu bapa yang bekerja terutamanya dari pagi hingga ke petang. Waktu operasi taska bermula seawal 7.00 pagi dan waktu mengambil anak adalah sehingga 6.00 petang. Ibu bapa yang mengambil anak lewat di taska biasanya dikenakan bayaran tambahan apabila tuntutan kerja dan kesibukan trafik tidak dapat dielakkan. Bagi ibu bapa yang bekerja syif, mereka lebih cenderung untuk menghantar anak ke rumah pengasuh berbanding taska. Masa penjagaan dan penghantaran anak ke rumah pengasuh adalah lebih fleksibel. Kebiasaannya, fleksibiliti masa di taska kurang berbanding di rumah pengasuh. Hal ini kerana taska mempunyai waktu operasi yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah pengasuh yang menetapkan anak-anak diambil pada masa yang telah dijanjikan.

Tenaga pengajar di kebanyakan taska yang berdaftar adalah para pengajar yang terlatih. Setiap tenaga pengajar diberi latihan dan kursus mengenai penjagaan dan pengajaran anak-anak yang berumur 3 tahun dan ke bawah. Dengan kemahiran yang ada, para ibu bapa lebih yakin untuk menghantar anak mereka ke taska yang bukan sahaja dijaga dengan baik malah dapat meningkatkan kemahiran motor halus di kalangan anak-anak. Manakala bagi yang dijaga oleh pengasuh, terdapat sesetengah pengasuh yang mengajar anak asuhan mereka membaca doa dan membuang air kecil dan besar sendiri tanpa menggunakan lampin. Pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak ini bergantung kepada sejauh mana kanak-kanak ini diberi perhatian dan dipraktikkan oleh taska atau pengasuh.

Taska yang berdaftar kebiasaannya akan dipantau oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Maka, pihak ibu bapa yang memilih untuk menghantar ke taska tidak perlu bimbang dengan aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak taska. Malahan, terdapat pemeriksaan kesihatan seperti pemeriksaan gigi yang sering dilakukan oleh pegawai kesihatan berdekatan dengan kawasan taska. Setiap aktiviti yang dilakukan di taska selalu dikemaskini dan dikongsi bersama dengan ibu bapa melalui kumpulan WhatsApp, Facebook atau media sosial yang lain.

Jadi ibu bapa yang sedang bekerja boleh mengetahui aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak mereka di taska. Ibu bapa yang menghantar anak ke rumah pengasuh biasanya memilih pengasuh di kalangan keluarga, kawasan kejiranan mereka atau yang sudah mereka kenal dengan lebih dekat. Ini dapat meyakinkan mereka tentang jaminan keselamatan anak mereka. Selain itu mereka juga boleh bertanya khabar mengenai keadaan anak mereka pada bila-bila masa sahaja.

Tidak dinafikan yuran bulanan dan pendaftaran terutamanya yang memilih taska swasta jauh lebih mahal berbanding memilih untuk menghantar anak ke rumah pengasuh. Setiap akhir tahun biasanya para ibu bapa terpaksa membayar beribu ringgit semata-mata untuk membayar yuran pendaftaran anak. Yuran bulanan biasanya mencecah RM350 hingga RM800 sebulan bergantung kepada taska swasta yang dipilih dan juga kawasan. Taska swasta mengenakan yuran yang tinggi kerana mereka menyediakan pakaian seragam, beg taska, buku, tenaga pengajar, bahan pengajaran yang bagus dan lain-lain lagi. Caj asuhan untuk kanak-kanak yang dihantar ke rumah pengasuh adalah lebih murah kerana tiada yuran pendaftaran atau caj upah lebih masa.

Selain itu, taska biasanya menerima ramai kanak-kanak dan bayi bergantung kepada bilangan tenaga pengajar

yang ada. Ini menyebabkan kanak-kanak mudah terkena jangkitan seperti penyakit berjangkit Hand, foot, and mouth disease (HFMD), wabak Covid-19, demam, selsema dan batuk. Hal ini merupakan salah satu sebab mengapa ibu bapa memilih untuk menghantar anak mereka ke rumah pengasuh. Pengasuh pula hanya menerima seorang hingga tiga orang kanak-kanak untuk dijaga di rumah mereka.

Kesimpulannya, untuk menghantar anak ke taska atau dijaga oleh pengasuh bergantung kepada keyakinan ibu bapa itu sendiri. Jika diteliti, anak yang dihantar ke taska adalah lebih terjamin dari segi keselamatan dan persekitaran terutamanya bagi anak-anak yang masih kecil. Namun, faktor ihsan yang ditawarkan oleh pengasuh dapat membantu ibu bapa dalam menjaga anak mereka. Ibu bapa dinasihatkan agar menyelidik latar belakang atau membuat kajian serta carian daripada ibu bapa yang pernah menghantar anak sebelum ini sama ada ke taska atau rumah pengasuh. Setelah membuat pilihan, sebagai ibu bapa kita perlulah berbuat baik, pandai mengambil hati pengasuh atau kakitangan taska serta tidak berkira dengan mereka. Akhir sekali kita hanya mampu berserah dan berdoa kepada Allah SWT agar anak-anak kita dilindungi daripada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com